



14 FEB, 2022

Halaman roselle didik murid cintai alam

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Halaman roselle didik murid cintai alam

Oleh Nas Norziela Nasbah
bhpendidikan@bh.com.my

Shah Alam: Halaman Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kemuning 2 dekat sini berubah menjadi kebun roselle hasil usaha murid dan tenaga pengajarnya.

Walaupun tidak luas, tanaman roselle yang diusahakan oleh warga sekolah berkenaan mendapat bimbingan daripada Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Justeru murid berpeluang mempelajari tata cara penanaman dengan betul.

Guru besar, Hamidi Shariff, berkata selain roselle kebun berkenaan turut ditanam dengan cili, terung dan pokok herba.

"Aktiviti ini sebenarnya adalah sebahagian usaha menyokong program Sekolah Lestari yang dimulakan sejak 2005.

"Selain mendapat bantuan FAMA untuk projek tanaman roselle, sekolah ini juga bekerjasama dengan Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej Kejuruteraan



Sebahagian murid yang ikut serta dalam projek Sekolah Lestari.



Tanaman roselle yang dibuat secara komersial di sekolah berkenaan.

, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan Universiti Toyama untuk mengukuhkan pendidikan kelestarian," katanya.

Program Sekolah Lestari dicetuskan pada 2001 dalam Simpo-

sium Pendidikan Alam Sekitar untuk Pengetua-Pengetua Sekolah Peringkat Kebangsaan. Ia dianjurkan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi

(MOSTI) dengan kerjasama Maka-

tab Perguruan Teknik, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada ketika itu.

Ia bertujuan membantu sekolah memperkuatkan proses

pelaksanaan pendidikan alam sekitar yang sedia ada. Melaluiinya, pendidikan berkaitan alam sekitar dapat diterapkan secara tidak langsung.

Sementara itu, Penolong Kanan HEM SK Bukit Kemuning 2, Mohd Zuraidi Komari, berkata roselle mempunyai nilai komersil tinggi kerana khasiatnya selain menghasilkan buah yang cepat dan banyak.

"Program ini juga memberi peluang murid untuk mempelajari cara menanam, menyiram, membaja, memproses dan memasarkan tanaman dengan bimbingan guru bertujuan mewujudkan golongan berkemahiran selain akademik."

"Kami juga ingin melahirkan generasi berbezaya dan warga sekolah berkualiti. Hasil tanaman roselle ini juga akan dikomersialkan untuk produk makanan dan barang kosmetik bagi menjana dana bagi tujuan pembangunan murid serta sekolah," katanya.



14 FEB 2022

Halaman roselle didik murid cintai alam

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Shah Alam: Halaman Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Kemuning 2 dekat sini berubah menjadi kebun roselle hasil usaha murid dan tenaga pengajarnya. Walaupun tidak luas, tanaman roselle yang diusahakan oleh warga sekolah berkenaan mendapat bimbingan daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). Justeru murid berpeluang mempelajari tata cara penjagaan tanaman dengan betul. Guru besar, Hamidi Shariff, berkata selain roselle kebun berkenaan turut ditanam dengan cili, terung dan pokok herba.